

# AL-IMAM IBN QAYYIM (691-751H/1292- 1350M): SOROTAN TERAPI RUQYAH DALAM PEMIKIRAN PERUBATAN

Oleh:

Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff \*

Zulkiflee Haron \*\*

*zulkifli@um.edu.my*

*zulkiflee@utm.my*

## ABSTRACT

*It is a need to understand that the medical method in Islam has different meaning than any other medical. Islam celebrates two major aspects of human events namely body and soul and gives attention to the balance between both of them. Today, the medical profession is coloured with the sophistication of the achievements of science and technology whereby more focused on treatment and physical therapy or physical. However, the internal value of the human being that capable of generating the therapy more effective treatment is less focused. Taking medicines may relieve pain or illness but not in the therapeutic treatment and healings for the patients. The value of the internal forces and strength owned by human beings cannot be ignored at all because it is able to cure and to be therapist towards more effective self-healing. In this paper, Ibn Qayyim al-Jawziyyah's methods of Ruqyah Therapy are chosen to put forward.*

**Keywords:** *Ibn Qayyim, Medical, Shifa', Therapy and Incantation*

---

\* Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, PhD, Profesor dan Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

\*\* Zulkiflee bin Haron, MA, Pensyarah Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

## **ABSTRAK**

*Adalah suatu keperluan untuk memahami bahawa kaedah perubatan dalam Islam mempunyai pengertian dan pendekatan yang berbeza berbanding lain-lain perubatan. Islam meraikan dua aspek utama kejadian manusia dan memberi perhatian terhadap keseimbangan antara keduanya. Dewasa ini bidang perubatan turut diwarnai dengan kecanggihan pencapaian sains dan teknologi yang lebih tertumpu kepada usaha rawatan dan terapi fizikal. Namun nilai dalaman manusia yang mampu menjadi penjana kepada rawatan dan terapi lebih berkesan kurang mendapat tumpuan. Pengambilan ubat-ubatan berperanan meredakan kesakitan atau penyakit namun tidak dalam bentuk penyembuhan yang terarah kepada rawatan dan terapi terhadap pesakit. Nilai kekuatan dalaman yang dimiliki diri manusia tidak boleh dipinggirkan sama sekali kerana ia berkemampuan menjadi perawat dan terapi ke arah penyembuhan diri yang lebih berkesan. Dalam tulisan ini, Ibn Qayyim al-Jawziyyah dipilih untuk diketengahkan metode terapi ruqyah dalam pemikiran perubatannya.*

**Kata Kunci:** *Ibn Qayyim, Perubatan, Shifa', Terapi dan Ruqyah*

## **PENDAHULUAN**

Kehidupan manusia tidak selamanya sihat. Ada ketika kesihatannya terganggu. Oleh hal yang demikian bukanlah suatu perkara yang asing dalam pemikiran apabila diujahkan bahawa kemunculan bidang perubatan seiringan dengan perkembangan hidup manusia dalam ketamadunan mereka. Kajian-kajian yang dilakukan terhadap bidang perubatan ini mendapati ia telah lama diketahui manusia dan melalui sejarahnya yang panjang. Zaman awal pertumbuhannya, ia begitu ringkas selaras dengan pengetahuan yang dimiliki dan keperluan kehidupan manusia ketika itu. Setelah itu ia mengalami perkembangan tahap demi tahap dalam pelbagai ketamadunan sehingga lahirnya perubatan moden.<sup>1</sup> Sama ada sifatnya yang tradisional

<sup>1</sup> Perubatan yang merujuk kepada Hypocrates (460-377S.M) yang diberi gelaran bapa perubatan oleh orang Arab dan antara tokoh perubatan yang mula-mula membentuk adab kemahiran dalam bidang perubatan. Selain beliau Gellanus (129-199M) antara

atau moden, perubatan telah mewarnai kehidupan masyarakat manusia bagi menyelesaikan masalah berkaitan penyembuhan penyakit. Percubaan dan pengalaman yang dimiliki telah memberikan mereka aset berharga untuk mengatur langkah-langkah tertentu dalam menghadapi dan mengubati penyakit. Pengalaman yang dilalui dan percubaan yang dilakukan itu dicatat dan dihipunkan sebagai data rujukan bagi tujuan rekod semakan semula. Apabila kes-kes yang dianalisis ada persamaan dalam faktor lahirnya gejala sesuatu penyakit dan kesembuhannya, maka teori mengenai penyakit dan cara penyembuhannya pula ditetapkan. Catatan itu akhirnya dibukukan dan khazanah perubatan tersebut diperluaskan dengan kajian serta penyelidikan susulan yang lebih sistematik. Akhirnya muncullah pusat-pusat rawatan dan hospital.

Berkuburnya tamadun Greek Yunani menjadikan aktiviti intelektual dunia sepi tanpa apa-apa kegiatan yang boleh dibanggakan. Suasana ini berlarutan hampir seribu tahun sehinggalah kedatangan Islam pada abad ke-6 Masehi. Wahyu *iqrā'* yang disampaikan kepada nabi SAW telah mengimbuai umat Islam untuk meneroka ilmu pengetahuan dan mencari mana-mana khazanah ilmu bagi disirami dengan 'siraman air' *bismirabbik*. Warisan perubatan terokaan tamadun Greek Yunani telah diberi nafas baru oleh umat Islam. Khazanah ilmu yang diambil itu telah diadun dengan ramuan 'hikmah' berdasarkan wahyu dan sunnah yang berfungsi sebagai penapis (*filter*). Mana-mana konsep yang bersesuaian dengan keduanya diterima, manakala yang tidak melepasi tapisan (al-Qur'an dan as-Sunnah) tersebut ditinggalkan. Mereka berpegang kepada konsep yang ditegaskan nabi:<sup>2</sup>

الْحِكْمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ حَيْثَمَا وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا.

---

tokoh perubatan terkemuka pada zamannya dan dianggap orang pertama melakukan pembedahan. Kedua-dua tokoh perubatan ini adalah kelahiran Yunan dan kepada mereka dinisbahkan perubatan moden menurut perspektif Barat. Antara tokoh perubatan Islam yang mengagungkan Gellanus dan merakamkan dalam penulisan mereka ialah Abu Bakr al-Rāzī (m.321H/924M) serta Abū 'Alī al-Ḥusayn Ibn Sinā (370-428H/970-1037M). 'Abd al-Razzāq Asyraf Kaylānī (1992), *al-Ḥaqā'iq al-Ṭibbiyyah fī al-Islām*. Ammān: Maktabah al-Risālah al-Ḥādithah, . h. 14.

<sup>2</sup> Ibn Mājah (t.t), *Sunan*, "Kitab al-Zuhd, Bāb al-Ḥikmah", hadis no. 4169. Ṭahqīq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, jil. 2. Bayrut: Dār al-Fikr, h. 1395; al-Tirmidhī (1983), *Sunan*, "Abwāb al-'Ilmī, Bāb fī Faḍl al-Fiqh 'Alā al-'Ībādah", juz. 4, hadis no 2822. Bayrut: Dār al-Fikr, h. 152.

Maksudnya:

*Al-hikmah adalah barangan mukmin yang tercicir; di mana sahaja ia ditemui, maka dia (mukmin) lebih berhak dengannya.*

Akhirnya umat Islam bukan sahaja telah dapat menguasai bidang tersebut malahan telah dapat mengatasi tahap pencapaian yang tinggi dari yang telah dicapai oleh orang-orang sebelum mereka. Perkembangan yang pada mulanya perlahan akhirnya telah sampai kepada zaman kegemilangannya pada abad ke-8 Masehi. Pada ketika itu ramai doktor Islam muncul dengan pengetahuan tinggi dan menengahkan kajian bermutu menyebabkan mereka telah dijadikan rujukan bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan bidang perubatan.<sup>3</sup>

Pada sisi yang lain himpunan dan pembukuan hadis-hadis yang diusahakan oleh ulama tidak ketinggalan meriwayatkan hadis-hadis mengenai perubatan. Hadis-hadis ini diberi julukan sebagai *al-Ṭibb al-Nabawiyy*. Perkembangan ini memperlihatkan adanya usaha-usaha untuk mengimbangi kaedah dan pendekatan dalam bidang perubatan tersebut. Di samping terhasilnya karya penulisan yang merujuk kepada perubatan Galen pada masa yang sama lahir juga karya penulisan yang merujuk kepada perubatan nabi dan kemudiannya lebih dikenali dengan *al-Ṭibb al-Nabawiyy*.<sup>4</sup>

Realiti kehidupan masyarakat dunia sekarang dihambat dengan meningkatnya peratusan jenayah yang melibatkan diri, keluarga mahupun masyarakat walaupun wujud bidang psikologi moden sebagai jalan penyelesaian yang lebih berpengaruh. Situasi ini menggambarkan bahawa

<sup>3</sup> 'Abd al-Razzāq Asyraf Kaylānī (1992), *op.cit.*, h. 15..

<sup>4</sup> Karya penulisan *Ṭibb al-Nabawī* ini telah dihasilkan oleh ramai ulama. Antara penulisan tersebut ada yang hilang. Misalnya *Ṭibb al-Nabawī* karya 'Alī bin Mūsā al-Riḍā (153-203H.) dan 'Abd al-Mālik bin Hubayb al-Andālūsī (174-278H.). Antara kitab yang berbentuk *makhṭūṭāt* seperti hasil karya Abū Nu'aym al-Aṣbahānī (336-430H.), Ḍiyā' al-Dīn al-Maqdisī (569-643H.), Shams al-Dīn al-Bu'ālī (645-709H.) dan al-Imām al-Badr bin Jamā'ah. Antara kitab yang telah dicetak ialah 'Abd al-Laṭīf al-Baghdādī (557-629H.) berjudul *al-Arba'īn al-Ṭibbiyyah al-Mustakhrajah min al-Sunan Ibn Mājah* beserta ulasannya; al-Kahhāl bin Tharkhān (650-720H.) dengan kitabnya *al-Aḥkām al-Nabawiyyah fī al-Ṣinā'ah al-Ṭibbiyyah* dan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (691-751H.) dengan *Ṭibb al-Nabawī* dalam kitabnya *Zād al-Ma'ād fī Hadyī Khayr al-'Ibād* yang menjadi rujukan berautoriti hingga ke hari ini.

terdapat kelemahan psikologi moden untuk mengatasi permasalahan ini. Hal ini sangat berkait rapat dengan metode terapi kejiwaan yang dilakukan secara tidak berkesan kerana tidak merujuk kepada metode al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW sebagai metode yang paling sesuai dengan sistem dan fitrah manusia.<sup>5</sup> Sehubungan dengan ini antara aspek yang menarik untuk dibincang ialah konsep penyembuhan dan prinsip terapi ruqyah dalam usaha menangani pelbagai penyakit yang sangat dipengaruhi oleh fenomena persekitaran dan adat kebiasaan manusia yang salah.

## **IBN QAYYIM: BIODATA RINGKAS**

Beliau ialah Syams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Abī Bakr bin Ayyūb bin Sa‘īd bin Ḥarīz bin Makkiy Zayn al-Dīn al-Zur‘ī.<sup>6</sup> Gelaran al-Jawziyyah bersempena kemasyhuran bapanya Abu Bakar bin Ayyūb yang berperanan besar dalam usaha memartabatkan Madrasah al-Jawziyyah<sup>7</sup> di Damsyiq. Bertugas sebagai salah seorang pentadbir di madrasah tersebut sehingga diberi gelaran sebagai Qayyim yang bermaksud ‘tunggak’ yang dinisbahkan kepada madrasah al-Jawziyyah.<sup>8</sup>

Ibn Qayyim dilahirkan dan terdidik dalam suasana keluarga berilmu dan terhormat pada 7 Safar 691H bersamaan 20 Januari 1292M di sebuah perkampungan bernama Zara’ bahagian tenggara Damsyiq.<sup>9</sup> Kelahirannya

<sup>5</sup> Metode yang bersumberkan wahyu bertepatan dengan metode alami dan berjalan selaras dengan teori ilmiah yang benar serta merujuk kepada faktor kecerdasan dan fungsi manusia.

<sup>6</sup> Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ al-Ḥāfiẓ (1994), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, taḥqīq Aḥmad ‘Abd al-Wahhāb Fātiḥ, jil. 13-14. al-Qāhirah: Dār al-Hadith, h. 252. Menurut Hassan ‘Alī al-Nadwī nama sebenar beliau ialah Muḥammad, gelarannya ialah Shams al-Dīn dan nama samarannya ialah ‘Abd Allāh. Manakala keturunannya adalah al-Zar‘ī. Abū Ḥasan ‘Alī al-Ḥasanī al-Nadwī (1985), *Rijāl al-Fikr wa al-Da’wah fī al-Islām bi ḥayat Syaikh al-Islām al-Nāfi’ Aḥmad Ibn Taymiyyah*, ed. 6, jid. 2. Kuwait: Dār al-Qalam, h. 316.

<sup>7</sup> Madrasah ini telah diwaqafkan oleh Maḥy al-Dīn Yūsuf bin Abī al-Furāj ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī bin ‘Ubayd Allāh bin al-Jawzī al-Qurāshī al-Ḥanbalī. Ia antara madrasah terbesar yang cenderung kepada mazhab Hanbali di Damsyik.

<sup>8</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1992), *Zādd al-Ma‘ād fī Hadyi Khayr al-‘Ibād*, taḥqīq, takhrīj dan ta‘līq oleh Shu‘ayb dan ‘Abd al-Qādir al-Arnā’uṭ, jil. 1. Bayrūt: Muassasah al-Risālah, h. 15; Lihat juga, Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *al-Wābil al-Ṣayyib min Kalim al-Ṭayyib*, taḥqīq ‘Abd al-Qādir al-Arnā’uṭ. Saudi Arabia: Nashr wa Tawzi’ Riāsah Idārah al-Buhūth al-‘Imiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da’wah wa al-Irsyād, h. 4.

<sup>9</sup> ‘Umar Riḍā Kaḥḥālāh (1957), *Mu‘jam al-Mu‘allifīn*, jil. 9. Damsyiq: al-Maktabah al-

setahun selepas berundurinya tentera-tentera *salib* dari bumi Syam pada tahun 690H. Pada usia yang masih kecil, beliau sering mengikuti bapanya menghadiri kelas-kelas pengajian di Madrasah al-Jawziyyah dan di sana beliau memulakan perjalanan menuntut ilmu. Di samping itu, beliau tidak melepaskan peluang menambahkan ilmu dari sekolah-sekolah lain di sekitar kota Damsyik. Hampir keseluruhan hayat beliau dihabiskan di Syam. Namun begitu, beliau telah beberapa kali pergi ke Mekah menunaikan haji dan menghabiskan beberapa ketika mendampingi Masjidil Haram. Begitu juga beliau telah beberapa kali bermusafir ke Kaherah. Ibn Qayyim al-Jawziyyah dibesarkan ketika bidang keilmuan berkembang pesat di Mesir dan Syam dalam suasana yang melahirkan ramai ulama termasyhur dan banyak sumber rujukan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Suasana keilmuan ini jelas mempengaruhi keperibadian dan kesungguhan beliau untuk menimba seberapa banyak ilmu dan menghasilkan karya penulisan.

Beliau juga dibesarkan dalam keluarga yang mementingkan ilmu pengetahuan. Suasana ini dapat dilihat melalui bapanya sebagai guru pertama yang mengajar beliau tentang ilmu-ilmu asas Islam termasuk ilmu *fara'id* dan bapanya sangat dikenali memiliki kepakaran dalam bidang ini.<sup>10</sup> Beliau juga tidak melepaskan peluang untuk membaca setiap buku kerana minatnya yang mendalam terhadap ilmu. Beliau gemar mengulangkaji, menulis dan mengarang kitab. Di samping itu, kegemarannya yang lain mengumpul kitab.<sup>11</sup> Dari kesungguhan beliau mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan, akhirnya Ibn Qayyim al-Jawziyyah terkenal sebagai seorang ahli Fiqh, ahli Usul al-Fiqh, ahli Tafsir, ahli Bahasa Arab, ahli Ilmu Kalam dan Ilmu Hadith.<sup>12</sup> Malahan, mengikut Ibn 'Imad, Ibn Qayyim al-Jawziyyah juga adalah seorang yang alim berkenaan Ilmu Tasawuf.<sup>13</sup>

---

<sup>10</sup> 'Arabiyyah, h. 106; Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, (1992) *op.cit.*, h. 15.

<sup>10</sup> Muḥammad Muslim al-Ghunaymī (1977), *Hayat al-Imām Ibn Qayyim al-Jawziyyah*. Damsyiq: al-Maktabah al-Islāmiyyah, h. 102.

<sup>11</sup> Menurut Ibn Ḥajr, Ibn Qayyim al-Jawziyyah begitu berminat dalam mengumpul kitab sehinggakan selepas kematian beliau, anak beliau menjual sebahagian besar kitab-kitab tersebut dalam jangka masa yang agak lama. Aḥmad bin 'Alī bin Muḥammad Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (t.t.), *al-Durar al-Kāminah fi A'yān al-Mi'ah al-Thāminah*, jil. 3. Al-Hind: Maktab al-Hind, h. 400.

<sup>12</sup> 'Umar Riḍā Kaḥḥālāh (1957), *op.cit.*, jid. 9, h. 106. Lihat juga, Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *op.cit.*, hlm. 4 dan 5.

<sup>13</sup> Abī al-Falāḥ 'Abd al-Ḥayy Ibn 'Imād (t.t.), Syadharāt al-Dhahab fī Akhbār man Dhahab, jil. 6. Bayrūt: Maktab al-Tijārī, h. 168.

Berbekalkan keilmuan yang dimiliki, Ibn Qayyim telah menjadikan dirinya begitu aktif untuk berkarya, bergiat dalam pendidikan, berdakwah, berfatwa, berjihad dan berhujah dengan golongan yang menyalahi al-Quran dan al-Sunnah. Kemampuannya telah menjadi tarikan dalam kalangan para pemerhati yang menempatkan ilmu sebagai puncak perhatian untuk menjadi murid-murid beliau. Mereka itu adalah antara ulama terbilang yang mempunyai kedudukan dalam dunia keilmuan. Antara murid-murid Ibn Qayyim yang turut mewarisi kehebatan dan keluasan ilmu sebagaimana gurunya ialah anak beliau sendiri Syarafuddin, Abdullah dan Ibrahim. Antara ulama lain yang terkenal ialah: Ibn Kathīr al-Dimasyqī, Abdul al-Rahman bin Rajab al-Ḥanbali, Ibn ‘Abd al-Hādī al-Maqdisī, Syamsuddīn Muhammad bin ‘Abd al-Qādir al-Nablīsī, Ibn ‘Abd al-Rahmān al-Nablīsī, Muhammad bin Aḥmad al-Dhahabi, ‘Alī bin ‘Abd al-Subki, Abū al-Ṭahir al-Fairūz dan lain-lain.<sup>14</sup>

Berpandukan kepada catatan Ibn Ḥajar al-Asqalānī, di antara 712H dan 726H, Ibn Qayyim al-Jawziyyah pernah berkahwin dan mempunyai 3 orang anak iaitu Ibrahim, ‘Abd Allah dan Syarf al-Dīn. Beliau menyara kehidupan diri dan keluarga dengan bekerja sebagai guru dan Imam di Madrasah al-Jawziyyah. Akhirnya beliau meninggal pada malam Khamis 13 Rejab tahun 751H ketika berumur genap enam puluh tahun dan dimakamkan bersebelahan dengan pusara ibunya di perkuburan al-Bāb al-Ṣaghīr.<sup>15</sup>

## **KARYA-KARYA IBN QAYYIM**

Antara kitab-kitab karya besar beliau ialah;

- *I’lām al-Muwaqqi’in ‘an Rabb al-‘Ālamīn* (1388H), Maktabah al-Kuliyyah al-Azhariyyah, Azhar.
- *Ighāthah al-Lahfān min Maṣāyid al-Shayṭān* (1961), ditahqīq oleh Muhammad Sayyed Kailānī, Syarikat al-Maktabah dan Maṭhba‘ah Muṣṭafa al-Babī al-Ḥalabī wa Awlāduhu, Mesir
- *Amthāl al-Qur’ān* (1982), ditahqīq oleh Nāsir bin Sa’d al-Rasyīd (Dr.), Matabi‘ al-Wafā. Makkah al-Mukarramah, Saudi Arabia.
- *al-Tibyān fī Aqsām al-Qur’ān* (t.t.), ditahqīq oleh Muhammad Zuhri al-Najar, al-Mu’assasah al-Sa’idiyyah, Riyad.
- *Madārij al-Sālīkīn bayna manāzil Iyyaka na’budu wa Iyyaka*

<sup>14</sup> Bakr bin ‘Abd Allāh Abū Zayd, h. 107-118.

<sup>15</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Muḥammad Ibn Ḥajr al-‘Asqalānī (t.t.), *op.cit.*, h. 400.

*nasta'in* (1972). Taḥqīq Muḥammad Ḥāmid al-Fiqī, Dār al-Kitāb al-ʿArabī, Beirut.

- *Zādd al-Maʿād fī Hadyi Khayr al-ʿIbād* (1992), ditahqīq, takhrij dan taʿliq oleh Shuʿaib dan ʿAbd al-Qādir al-Arnauṭ, Muassasah al-Risālah, Beirut.
- *al-Ṣawāʿiq al-Mursalāh ʿalā Thaiḥat al-Jahmiyah wal Muʿaṭṭilah* (1407H) ditahqīq oleh Dr. Ahmad ʿAtiyyah al-Ghāmidīyy dan Dr. Muhammad Nāṣir al-Fāqihīyy, Cetakan Uninersiti Islam Madinah, Saudi Arabia.
- *al-Syafiyāt al-Kāfiyah fī al-Intiṣār li al-firqah al-Nājiyah*
- *Hādī al-Arwāḥ ilā bilād al-Aḥrah*, (1428H), ditahqīq oleh Zaid bin Ahmad al-Nasyiriyy, Dār al-ʿAlim al-Fawāid li al-Nasyri wa al-Tauziʿ, Saudi Arabia.
- *Nuzhat al-Muttaqīn wa raudat al-Muḥibbīn*. (1987). Dār al-Kitāb al-ʿArabī, Beirut.
- *al-Jawāb al-Kāfi lī man saʿala ʿan al-Dawāʿ al-Syāfi*, (1988) cetakan kedua Dār al-Bayān li al-Turath, Kaherah
- *Tuḥḥat al-Wadūd fī Aḥkam al-Maulūd*, (1994), cetakan keempat, ditahqīq dan takhrij Basyir Muhammad ʿUyun, Maktabah Dār al-Bayān, Dimasq.
- *Al-Wābil al-Sayyib min al-Kalimi al-Ṭayyib* (1979). Riāsah al-ʿAmmah li idārah al-Buhuth al-ʿIlmiyyah, Riyāḍ.
- *Kitab al-Solāt wa Ḥukm Tārikuha*. (1981) *Tahqīq Tafsir Za ʿisytar*, Al-Maktab al-Islāmi, Beirut.
- *Al-Fawāʿid*, (1992), *Tahqīq Saʿid al-Laḥḥam*, Dār al-Fikr al-Lubnāni, Beirut.
- *Al-Ṭuruq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Syarʿiyyah*. (1317H). Syarikat al-Kutub al-ʿArabīyyah, Mesir.

Selain yang disebutkan di atas, masih banyak lagi kitab serta karya ulung beliau yang menjadi rujukan pelbagai lapisan masyarakat. Sehubungan dengan banyaknya karya penulisan Ibn Qayyim seorang ulama mazhab Hanbali bernama Burhān al-Dīn al-Zarʿī (m.741H) mengungkapkan kata-kata berikut:<sup>16</sup>

*“Ibn Qayyim ialah seorang yang amat luas bidang keilmuannya. Menulis dalam semua bidang ilmu*

<sup>16</sup> Burhān al-Dīn Ishāq Ibrāhīm bin Aḥmad bin Hilāl al-Zarʿī. Beliau adalah seorang ahli Fiqh mazhab Hanbali. Meninggal dunia pada tahun 741H. Ibn ʿImād (t.t), jld.6, h. 129.



*pengetahuan, seorang yang sangat menyintai ilmu, bersungguh-sungguh dalam aktiviti mengarang dan banyak membaca. Beliau berkarya secara bersungguh-sungguh dalam bidang yang belum diterokai oleh orang lain.”<sup>17</sup>*

Oleh sebab itu beliau tergolong antara ulama dan ilmuwan yang mewariskan banyak kitab penulisan mencakupi pelbagai bidang ilmu. Ibn Qayyim al-Jawziyyah bukan sekadar memiliki keilmuan yang tinggi tetapi juga ditunjangi dengan akhlak yang mulia. Beliau juga mempunyai kedudukan tinggi dalam kalangan ulama di samping berani menegakkan yang hak dan membongkar kebatilan sehingga pernah dipenjarakan.

### **AYAT-AYAT AL-SYIFĀ’ DALAM AL-QURAN**

Dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang menyebut tentang penyembuhan (*Ayat al-Syifā’*). Ia antara lain membentangkan pelbagai pengajaran penting berkaitan dengan penyembuhan penyakit, pemeliharaan kesihatan dan kesejahteraan diri. Namun, ayat-ayat yang dibincangkan di sini ialah enam ayat yang terkandung di dalamnya perkataan *Syifā’* bermaksud penyembuhan yang terdapat dalam al-Qur’an sebagaimana ayat berikut:

وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ  
الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

*Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.*

Sūrah al-Isrā’ (17): 82

Allah SWT berfirman:

وَلَوْ جَعَلْنَاهُ قُرْآنًا عَجَبًا لَقَالُوا لَوْلَا فُصِّلَتْ آيَاتُهُ أَأَيْنِئْتَهُ عِجَابُ النَّاسِ

<sup>17</sup> Sayyid Abī al-Ṭayyib Ṣadiq bin Ḥasan bin Abū Lu‘ūf Allāh al-Qunūjī (1963), *al-Tāj al-Mukallaf*. Kaherah: al-Matba‘ah al-Hidāyah al-‘Arabiyyah, h. 417.

وَعَرَبِيٌّ قُلٌّ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا هُدًى وَشِفَاءٌ وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِي ءَاذَانِهِمْ وَقْرٌ وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى أُولَٰئِكَ يُنَادَوْنَ مِنْ مَّكَانٍ بَعِيدٍ

Dan kalaulah al-Quran itu Kami jadikan (bacaan) dalam bahasa asing, tentulah mereka akan berkata: “Mengapa tidak dijelaskan ayat-ayat-Nya (dalam bahasa yang kami fahami)? Patutkah Kitab itu berbahasa asing sedang Rasul yang membawanya berbangsa Arab?” Katakanlah (Wahai Muhammad): “Al-Quran itu, menjadi (cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang-orang yang beriman; dan sebaliknya orang-orang yang tidak beriman, (al-Quran itu) menjadi sebagai satu penyakit yang menyumbat telinga mereka (bukan penawar); dan ia juga merupakan gelap-gelita yang menimpa (pandangan) mereka (bukan cahaya yang menerangi). mereka itu - (dengan perbuatan melarikan diri dari ajaran al-Quran, tidak ubahnya seperti) orang-orang yang diseru dari tempat yang jauh (Masakan mereka dapat mendengar dengan betul atau melihat dengan nyata)”.

Sūrah Fuṣṣilat (41): 44

Allah SWT. berfirman:

قَتَلُوهُمْ يَٰعَدِبُهُمُ ٱللَّهُ بِأَيْدِيكُمْ وَيُخِزُهُمْ وَيَنْصُرْكُمْ عَلَيْهِمْ وَيَشْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُّؤْمِنِينَ

Perangilah mereka, nescaya Allah akan menyiksa mereka dengan (perantaraan) tangan kamu, dan Allah akan menghinakan mereka serta menolong kamu menewaskan mereka, dan ia akan memuaskan hati orang-orang yang beriman.

Sūrah al-Taubah (9):14

Allah SWT. berfirman:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي  
الصُّدُورِ وَهَدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

*Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman.*

Sūrah Yūnus (10):57

Allah SWT. berfirman:

ثُمَّ كُلِّي مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلُلًا يَخْرُجُ مِنْ  
بَطُونِهَا شَرَابٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ، فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ إِنَّ فِي ذَلِكَ  
لَآيَةً لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٦٩﴾

*Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu. (dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.*

Sūrah al-Nahl (16):69

Allah berfirman:

وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ ﴿٨٠﴾

*“Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku”.*

Sūrah al-Syu‘arā’ (26):80

Perkataan “تُنزَّلُ” dalam Surah al-Isrā’ (17:82) bererti “Kami turunkan”. Menurut jumhur ahli qiraah ia dibaca dengan diawali *nūn* berbaris hadapan dan *zāi* bertasydid. Menurut Ab ‘Amr ia dibaca tanpa tasydid (تُنزَلُ). Bacaan dengan diawali huruf *yā’* dan *zāi* tanpa tasydid (يُنزَلُ) merujuk kepada bacaan Mujahid, al-Marwazi dan Hafs.<sup>18</sup> Manakala huruf *min* (مِنْ) dalam ayat ini, menurut pendapat yang rajih, menjelaskan maksud jenis dan spesifikasi yang dimiliki al-Quran dan bukan bermaksud “sebahagian” yang boleh ditafsirkan sebagai terdapat ayat-ayat al-Quran yang tidak termasuk *syifā’* (penawar).

Ibn Qayyim al-Jawziyyah menyatakan perkataan ‘min’ dalam ayat di atas lebih bermakna jenis dan spesifikasi yang dimiliki al-Quran dan bukan bermaksud “sebahagian”. Hal ini bersesuaian dengan ayat yang terdapat dalam firman Allah SWT.:<sup>19</sup>

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ

*“Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang soleh bahwa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan Mereka berkuasa di bumi...”*

Surah al-Nūr (24):55

Kata *min* dalam lafaz مِنْكُمْ tidaklah bermakna sebahagian, sebab mereka seluruhnya adalah orang-orang yang beriman dan beramal soleh.<sup>20</sup> Manakala perkataan شِفَاءً pula bermaksud “penyembuh”. Penyembuhan yang dimaksud di sini meliputi kesembuhan atas segala penyakit, baik rohani mahupun jasmani, sebagaimana yang dijelaskan dalam tafsir. Terdapat banyak ayat-ayat yang menjelaskan tentang hal ini.<sup>21</sup> Sehubungan dengan ruanglingkup penyembuhan melalui al-Quran ini al-‘Allamah ‘Abd al-Raḥmān al-Sa‘di berpandangan:

<sup>18</sup> Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī (1945), *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’an*, jil. 10. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, h. 315. Muḥammad bin ‘Alī al-Syawkānī, *Faṭḥ al-Qadīr*, jil. 3, h. 253.

<sup>19</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1992), *op.cit.*, jil. 4, h. 177..

<sup>20</sup> Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī (1945), *op.cit.*, jil. 10, h. 316; Muḥammad bin ‘Alī al-Syawkānī, *op.cit.*, h. 253 dan Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1992), *op.cit.*, jil. 4, h. 177.

<sup>21</sup> Ibn Kathīr Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umr (t.t), *Tafsīr al-Qur’an al-‘Azīm*, jil. 3. Kaherah: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyah, h. 60.

*“Penyembuhan yang terkandung dalam al-Quran bersifat umum meliputi penyembuhan hati dari pelbagai syubhat, kejahilan, berbagai pemikiran yang merosakkan, penyimpangan yang jahat dan pelbagai tendensi yang batil. Sebab ia (al-Quran) mengandungi ilmu yakin yang dengannya akan musnah setiap syubhat dan kejahilan. Ia merupakan pemberi nasihat serta peringatan, yang dengannya akan musnah setiap syahwat yang menyalahi perintah Allah SWT. Di samping itu, al-Quran juga menyembuhkan jasmani dari pelbagai penyakit. Adapun rahmat, maka sesungguhnya di dalamnya terkandung sebab-sebab dan sarana untuk meraihnya. Apabila seseorang melakukan sebab-sebab itu, maka dia akan menang dengan meraih rahmat dan kebahagiaan yang abadi serta ganjaran kebaikan sama ada cepat ataupun lambat.”<sup>22</sup>*

Al-Quran diturunkan Allah SWT untuk memberi petunjuk kepada setiap manusia, menyembuhkan pelbagai penyakit hati manusia khususnya bagi mereka yang diberi hidayah oleh Allah dan dirahmati-Nya. Kenyataan ini adalah suatu pegangan yang perlu diyakini oleh setiap muslim. Namun apakah penyembuhan melalui ayat-ayat al-Quran meliputi penyakit fizikal? Dalam hal ini, para ulama menukulkan dua pendapat: Ada yang mengkhususkan penyakit hati; Ada pula yang menyebutkan penyakit jasmani dengan cara meruqyah, berta'awuz, dan seumpamanya.<sup>23</sup> Sehubungan dengan ini Ibn Qayyim al-Jawziyyah menjelaskan:<sup>5</sup>

*“Al-Quran adalah penyembuh yang sempurna dari seluruh penyakit hati dan jasmani, demikian pula penyakit dunia dan akhirat. Dan tidaklah setiap orang diberi keahlian dan taufiq untuk menjadikannya sebagai ubat. Jika seorang yang sakit konsisten berubat dengannya dan meletakkan pada sakitnya dengan penuh kejujuran dan keimanan, penerimaan yang sempurna, keyakinan yang kukuh, dan menyempurnakan syaratnya, nescaya penyakit apapun tidak akan mampu menghadapinya selama-lamanya.*

<sup>22</sup> ‘Abd al-Raḥmān bin Nāṣir bin al-Sa‘dī (2000), *Tafsir Karīm al-Raḥmān fī Tafsir Kalām al-Mannān*. Beirut: al-Muassasah al-Risālah, h. 465.

<sup>23</sup> Ikhtilaf ini disebut oleh al-Qurtubī dalam tafsirnya. Lihat al-Qurtubī (1945), *op.cit.*, jil. 10 h. 315.

*Bagaimana mungkin penyakit tersebut mampu menghadapi firman Zat yang memiliki langit dan bumi. Jika diturunkan kepada gunung, maka ia akan menghancurkannya. Atau diturunkan kepada bumi, maka ia akan membelahnya. Maka tidak satu pun jenis penyakit, baik penyakit hati mahupun jasmani, melainkan dalam al-Quran ada cara yang membimbing kepada ubat dan sebab (kesembuhan) nya.”<sup>24</sup>*

## AL-SYIFĀ’ DALAM AL-SUNNAH

Rasulullah SAW memberi panduan kepada umatnya dalam merawat penyakit fizikal menerusi ubat-ubatan. Selain dari itu baginda turut sertakan dengan kaedah yang berasaskan akidah dan nilai-nilai Islam. Beberapa peristiwa berkaitan dengan konsep al-syifa’ dapat dirujuk dalam sirah baginda. Antaranya:

Hadis SAW yang diriwayatkan daripada ‘Aisyah r.a.ha. tentang peristiwa Rasulullah SAW. terkena sihir,<sup>25</sup> sehingga baginda menyangka bahawa baginda mendatangi isterinya padahal baginda tidak berbuat

<sup>24</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1992), op.cit., jil. 4, h. 352. Kenyataan ini disokong oleh al-Shāwkānī yang berkata; “Dan tidak ada penghalang untuk membawa ayat ini kepada dua makna tersebut.” al-Shāwkānī, *Fāth al-Qadīr*, jil. 3, h. 253.

<sup>25</sup> Sebahagian ulama menolak riwayat Nabi SAW terkena sihir, kerana tuduhan itu adalah dakwaan kaum yang zalim dan tidak beriman seperti disebut oleh al-Quran Surah Al-Isrā (17): 47:

نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَسْتَمِعُونَ بِهِ إِذْ يَسْتَمِعُونَ إِلَيْكَ وَإِذْ هُمْ بِحُجُوتِ إِذْ يَقُولُ الظَّالِمُونَ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا رَجُلًا مَسْحُورًا ﴿١٧﴾

Terjemahan: Kami lebih mengetahui akan tujuan mereka mendengar al-Quran semasa mereka mendengar bacaanmu (wahai Muhammad), dan semasa mereka berbisik-bisik iaitu ketika orang-orang yang zalim itu berkata (sesama sendiri): “Kamu tidak menurut melainkan seorang yang kena sihir”.

Dan firman-Nya, Sūrah al-Furqān (25): 8:

أَوْ يُنْفِقْ إِلَيْهِ كَنْزًا أَوْ تَكُونُ لَهُ جَنَّةٌ يَأْكُلُ مِنْهَا وَقَالَ الظَّالِمُونَ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا رَجُلًا مَسْحُورًا ﴿٨﴾

Terjemahan: “Atau diberikan perbendaharaan harta benda kepadanya, atau ia mempunyai sebuah kebun untuk ia makan hasilnya” dan orang-orang yang zalim itu berkata pula (kepada orang-orang yang beriman): “Sebenarnya kamu hanyalah menurut seorang lelaki yang terkena sihir”.

Menerima kenyataan tersebut bermakna membenarkan dakwaan mereka yang zalim sedangkan nabi SAW dipelihara oleh Allah SWT. dan baginda tidak bercakap melainkan wahyu yang disampaikan kepadanya seperti disebut dalam Sūrah al-Najm (53): 3-4;

demikian. Allah SWT telah mendatangkan dua malaikat mengkhabarkan melalui perbualan antara keduanya tentang siapa dan bagaimana sihir tersebut dilakukan.<sup>26</sup> Rasulullah SAW. telah pergi ke perigi tersebut dan mengeluarkannya. Nabi lalu berkata: “Inilah perigi yang diperlihatkan kepadakuseolah-olahairnyaadalahairdaunpacardanpohonkurmanyaseperti kepala-kepala syaitan”. Lalu dikeluarkan dan Aisyah bertanya: ‘Mengapa engkau tidak mengeluarkannya (dari mayang korma jantan tersebut? Nabi menjawab: “Demi Allah, sungguh Dia telah menyembuhkanku dan aku membenci tersebarnya kejahatan dalam kalangan manusia’.”<sup>27</sup> Namun ada tambahan bahawa Aisyah r. anha. berkata: “Dan turunlah firman Allah SWT: *قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ. مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ.*”

Hadis yang diriwayatkan daripada Abū Sa‘id al-Khudrī menceritakan tentang pemimpin sebuah perkampungan Arab terkena sengatan (kala jengking). Penduduk kampung tersebut berusaha mencari ubat untuk menyembuhkannya tetapi tidak berjaya. Peristiwa ini berlaku ketika sekumpulan sahabat Nabi SAW. singgah di sebuah perkampungan mengharapkan mereka dilayan sebagai tetamu namun kehadiran mereka tidak diraikan. Akhirnya, mereka meruqyah dengan syarat yang telah dipersetujui iaitu memberi upah beberapa ekor kambing. Maka salah seorang sahabat meludahinya dan membacakan atas pemimpin kaum itu surah al-Fatihah. Pemimpin kampung tersebut merasa terlepas dari ikatan lalu dia berjalan tanpa ada gangguan lagi. Mereka kemudiannya memberikan upah

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۗ (٣) إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ (٤)

Terjemahan: *Dan ia (Muhammad s.a.w.) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.*

Menerima kenyataan nabi terkena sihir juga akan memberi makna ada ketika tertentu apa yang lahir daripada nabi s.a.w. tidak boleh diikuti kerana ketidaksiumannya lantaran sihir. Sedangkan keseluruhan peribadi nabi SAW adalah sunnah yang diikuti. Ini juga bermakna nabi SAW tidak lagi menjadi uswah hasanah secara seratus peratus!. Na‘uzubillah.

<sup>26</sup> Ia dilakukan oleh Labid bin al-A‘sam dari Bani Zuraiq seorang munafiq dan sekutu Yahudi dengan menggunakan sikat dan rambut yang gugur yang diletakkan pada mayang kurma jantan bawah batu yang terletak di bawah perigi Dzarwan..

<sup>27</sup> Hadis ini diriwayatkan al-Bukhari dalam Sahihnya, “Kitab al-Tibb, Bab Yustakhraj al-Sihr, jil. 10, no. 5765. Juga “Kitāb al-Adāb, bāb Inna Allah Ya‘muru bi al-‘Adl”, jil. 10, no. 6063..

sebagaimana telah disepakati. Sebahagian sahabat berkata: ‘Bahagikanlah.’ Sedangkan yang meruqyah berkata: ‘Jangan kalian lakukan hingga kita menghadap Rasulullah SAW lalu kita menceritakan kepadanya apa yang telah terjadi. Kemudian menunggu apa yang beliau perintahkan kepada kita. Merekapun menghadap Rasulullah SAW bagi melaporkan hal tersebut. Nabi SAW. bersabda: “Dari mana kalian tahu bahawa itu (al-Fātihah) memang ruqyah?” Lalu Nabi SAW bersabda: ‘Kalian adalah benar. Bagilah (upahnya) dan berilah untukku bahagian bersama kalian, sambil nabi SAW tertawa.’”

Hadis yang diriwayatkan dari Abū Khuzāmah, Abū Dardā’ dan Abū Sa‘id al-Khudri:

عَنْ أَبِي حُزَامَةَ قَالَ: قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرَأَيْتَ رُقِيَ نَسْتَرْفِيهَا وَدَوَاءً نَتَدَاوَى بِهِ وَتُقَاةً نَتَقِيهَا. هَلْ تَرُدُّ مِنْ قَدْرِ اللَّهِ شَيْئًا فَقَالَ هِيَ مِنْ قَدْرِ اللَّهِ.

*Dari Abi Khuzāmah, ia berkata: Aku berkata: Ya Rasulullah! Bagaimana pendapatmu tentang melafazkan kata-kata doa untuk memohon kesembuhan (ruqyah), kami bacakan ruqyah itu dan tentang ubat yang kami pergunakan untuk mengubati penyakit serta tentang kata-kata doa untuk mohon perlindungan/pemeliharaan (taqiyyah), lalu kami bacakan taqiyyah itu? Tidaklah hal itu berarti menolak taqdir (ketentuan) Allah? Maka Nabi SAW. menjawab: Hal itu juga termasuk taqdir Allah.<sup>28</sup>*

Dalam riwayat yang lain dinyatakan:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَنْ اشْتَكَى مِنْكُمْ شَيْئًا أَوْ اشْتَكَاهُ أَخٌ لَهُ فَلْيَقُلْ: رَبَّنَا اللَّهُ الَّذِي فِي السَّمَاءِ تَقَدَّسَ اسْمُكَ وَأَمْرُكَ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ كَمَا رَحِمْتَنِي فِي السَّمَاءِ فَاجْعَلْ رَحِمَتَكَ فَمَا لَأَرْضٍ وَأَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَخَطَايَانَا أَنْتَ رَبُّ الطَّيِّبِينَ أَنْزِلْ رَحْمَةً مِنْ عِنْدِكَ وَشِفَاءً مِنْ شِفَاعِكَ عَلَيَّ هَذَا الْوَجَعُ فَيَبْرَأُ بِإِذْنِ اللَّهِ.

<sup>28</sup> Al-Tirmidhi (1983), Sunan, “Abwāb al-Tibb, bāb ma Jā’a fi al-Ruqā wa al-Adawiyyah, juz. 3, hadis no. 2144. Bayrut: Dār al-Fikr, h. 270.



*Dari Abi Dardā', ia berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW. bersabda: Barangsiapa di antara kamu mengadakan (kepada Allah) tentang sesuatu atau saudaranya yang mengadakan (kepada Allah) tentang sesuatu (penyakit), maka hendaklah dia mengucapkan (doa): Ya Tuhan kami, Allah yang berada di langit! Maha Suci nama-Mu. Perintah-Mu lah yang (berlaku) di langit dan bumi. Sebagaimana rahmat-Mu di langit, maka jadikanlah rahmat-Mu di bumi. Ampunilah dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan kami. Engkau-lah Tuhan seluruh orang-orang yang baik (sihat). Turunkanlah rahmat dan kesembuhan dari sisi-Mu terhadap penyakit ini. Maka penyakit akan sembuh dengan izin Allah.<sup>29</sup>*

Riwayat yang lain pula menyebut:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ قَالَ أَنَّنِ جِبْرِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا مُحَمَّدُ أَشْتَكَيْتَ؟ قَالَ: نَعَمْ. فَقَالَ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ بِاسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ مِنْ كُلِّ دَاءٍ يُؤْذِيكَ وَمِنْ شَرِّ كُلِّ نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ اللَّهُ يَشْفِيكَ بِاسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ

*Dari Abi Sa'id al-Khudri, ia berkata: Bahwasanya Jibril AS datang kepada Nabi SAW, lalu berkata: 'Ya Muhammad! Sakitkah engkau?' Nabi berkata: 'Ya.' Maka Jibril AS berkata: 'Dengan nama Allah, aku mohonkan ruqyah untukmu dari setiap penyakit yang menimpamu dan juga dari setiap jiwa maupun mata orang yang dengki. Allah akan menyembuhkan engkau. Dengan nama Allah, aku akan melakukan ruqyah untukmu.'<sup>30</sup>*

- Al-Hākim, Imam Ahmad dan Ibn Majah meriwayatkan hadis daripada Ibn Mas'ūd RA bahawa Nabi SAW bersabda katanya:<sup>31</sup>

<sup>29</sup> Abu Dawud (t.t), Sunan, "Kitāb al-Tibb, Bāb Kayfa al-Ruqā", juz. 4, hadis no. 3892. Beirut: Dār al-Fikr, h. 12.

<sup>30</sup> Imām Muslim (t.t), Sahih Muslim, "Kitāb al-Salām, Bāb al-Tibb wa al-Mara' wa al-Ruqā". Beirut: Dār al-Fikr.

<sup>31</sup> Al-Hākim, al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn, juz. 17, hadis no.7530. h. 276; Ahmad bin Hanbal, Musnad Imām Ahmad, hadis no 3578; Ibn Mājah, Abū Abdillāh Muhammad

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنْ دَاءٍ إِلَّا وَقَدْ أَنْزَلَ  
مَعَهُ شِفَاءً عَلِمَهُ مَنْ عَلِمَهُ وَجَهِلَهُ مَنْ جَهِلَهُ.

*Telah bersabda Rasulullah SAW: Allah taala tidak menurunkan penyakit melainkan sesungguhnya diturunkan bersamanya penyembuh, diketahui oleh orang-orang yang mengetahui dan tidak diketahui oleh mereka yang jahil.*

- ‘Alī al-Muttaqī al-Hindī meriwayatkan dalam Kanz al-‘Ummāl:<sup>32</sup>

اسْتَشْفُوا بِمَا حَمَدَ اللَّهُ بِهِ نَفْسَهُ قَبْلَ أَنْ يَحْمَدَهُ خَلْقُهُ ، وَبِمَا مَدَحَ اللَّهُ بِهِ  
نَفْسَهُ (الْحَمْدُ لِلَّهِ) وَ (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) فَمَنْ لَمْ يَشْفِهِ الْقُرْآنَ فَلَا شِفَاءَ  
لِلَّهِ .

*Berubatlah kamu semua dengan apa yang Allah puji akan diri-Nya sebelum makhluk-Nya memuji dan dengan apa yang Allah telah pujikan tentang diri-Nya, iaitu al-ḥamdulillah (al-Fātiḥah) dan Qul huwallāhu Aḥad. Sesiapa yang tidak disembuhkan oleh al-Quran maka Allah tidak sembuhkannya.*

- Ibn Mājah (275 - 206 H) meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:<sup>33</sup>

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْكُمْ بِالشِّفَاءَيْنِ  
الْعَسَلِ وَالْقُرْآنِ

*Daripada ‘Abdullah, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah SAW: Hendaklah kamu bersama-sama dengan dua perkara yang menyembuhkan, iaitu madu lebah dan al-Qur’an.*

---

bin Yazid al-Qazwini (t.t), Sunan Ibn Mājah, tahqiq Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqi, hadis no 3437. Al-Qahirah: Dār al-Hadith.

<sup>32</sup> Ali al-Muttaqī al-Hindī, Kanz al-‘Ummāl, juz. 10, hadis no. 21804. h. 8,

<sup>33</sup> Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, tahqiq Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqi, Bāb al-‘Asal, Hadis no. 3452. Al-Qahirah: Dār al-Hadis.

Dalam riwayat yang lain oleh Ibn Mājah menyebut: <sup>34</sup>

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ “خَيْرُ الدَّوَاءِ الْقُرْآنُ.

Rasulullah SAW bersabda: “Sebaik-baik pengobatan adalah (dengan) al-Qur’an.”<sup>35</sup>

Dan hadis:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ “الْقُرْآنُ هُوَ الدَّوَاءُ.

Rasulullah SAW bersabda: “al-Qur’an adalah ubat.”

### **PRINSIP-PRINSIP UMUM TERAPI**

Ibn Qayyim al-Jawziyah, menyebut bahawa ada tiga prinsip terapi dalam *Tibb al-Nabawiyy*. Beliau merumuskan ketiga-tiga prinsip ini berlandaskan ayat-ayat al-Qur’an yang menyentuh tentang *rukhsah* yang diberikan kepada orang sakit dalam melaksanakan ibadah puasa, haji, dan solat. Ketiga prinsip itu adalah: <sup>36</sup>

- *Hifzu al-Ṣiḥḥah*.<sup>37</sup>

Allah SWT. berfirman:

فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

“...Maka barangsiapa di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain...”

Sūrah al-Baqarah (2):184

<sup>34</sup> Kedua-dua hadis di atas menurut pentahkikan Syeikh Nāsir al-Din al-Albāni adalah Da‘if. Nāsir al-Din al-Albāni dalam da‘if al-Jāmi’ al-Saghir, no. 2885 dan no. 4135.

<sup>35</sup> Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, hadis no. 3501 dan 3533.

<sup>36</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1992), op.cit., jil. 4, h. 5-10. Rozali Muhammad Isa (2002), al-Tibb al-Nabawiyy Panduan Rawatan Perubatan Berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah li Ibn Qayyim al-Jawziyyah. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd., h. 40-43.

<sup>37</sup> Maksudnya: Memelihara Kesihatan. Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1992), op.cit., jil. 4, h. 6.

Dalam ayat ini, Allah SWT membenarkan orang yang musafir untuk berbuka puasa bertujuan menjaga kesehatan dan kekuatannya. Oleh kerana itu, salah satu yang harus dilakukan oleh seorang pengamal perubatan ketika berhadapan dengan pesakit adalah dengan memberi atau mencadangkan pengambilan makanan tambahan yang dapat memulihkan tenaga dan kekuatan tubuhnya. Berdasarkan pendekatan ini, Ibn Qayyim al-Jawziyyah menggunakannya dalam kaedah terapi merawat pesakit kerana penyakit akan dapat disembuhkan dengan mengembalikan kekuatan sistem dalaman diri manusia yang diciptakan Allah SWT untuk melawan penyakit.

- *Istifargh*.<sup>38</sup>

Allah SWT berfirman:

فَن كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِّن رَّأْسِهِ - فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ أَوْ  
صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ

“...Jika ada di antaramu yang sakit atau ada gangguan di kepalanya (lalu ia bercukur), maka wajiblah atasnya berfidyah, iaitu berpuasa atau bersedekah atau berkorban...”

Sūrah al-Baqarah (2):196

Dalam ayat ini, Allah SWT membolehkan bagi orang yang sakit atau orang yang ada masalah di kepalanya sama ada berupa gatal-gatal, kutu dan sebagainya supaya mencukur kepalanya ketika berada dalam ihram. Melalui kaedah mencukur ini akan dapat memberikan laluan keluar wap-wap atau angin dari liang-liang halus pada kulit kepala. Keadaan ini dapat dikiasakan pada setiap sesuatu yang tertahan menjadi penyebab kepada penyakit seperti berlebihan darah, limpahan sperma, air mani, kotoran, angin, muntah, tidur, lapar dan dahaga. Berdasarkan kepada terapi ini, Ibn Qayyim al-Jawziyyah menjelaskan menerusi kaedah berbekam. *Hijamah* atau berbekam adalah salah satu kaedah terapi untuk mengeluarkan toksik, unsur-unsur yang mengotori darah dan sel-sel darah yang rosak kerana tua atau mati.

<sup>38</sup> Maksudnya: Mengeluarkan unsur-unsur yang rosak. Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1992), op.cit., jil. 4, h. 6.

• *Himyah*.<sup>39</sup>

Allah SWT. berfirman:

وَإِنْ كُنْتُمْ مَّرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ  
أَوْ لِمَسَمٍ النِّسَاءِ فَلَمْ يَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا

“...Dan jika kamu sakit atau sedang dalam musafir atau kembali dari tempat buang air atau kamu telah menyentuh perempuan, kemudian kamu tidak mendapat air, maka bertayammumlah kamu dengan tanah yang baik (suci)...”.

Sūrah al-Nisa’ (4): 43

Firman Allah SWT di atas membolehkan bagi orang sakit yang terhalang daripada menggunakan air untuk bersuci dengan bertayammum menggunakan debu sebagai pengganti. Keringanan ini bertujuan mencegah daripada bertambahnya sakit dan mengelakkan penyakit yang dihadapi semakin parah. Berpantang itu dalam dua keadaan iaitu: Pertama ialah berpantang dari makanan yang boleh mendatangkan penyakit bagi yang sihat dan yang kedua ialah berpantang dari makanan yang boleh menambahkan penyakit bagi yang sakit.

## TERAPI RUQYAH<sup>40</sup>

Ibn Qayyim al-Jauziyah menegaskan *ruqyah* adalah terapi dengan melafazkan doa sama ada dari al-Quran atau al-Sunnah bagi tujuan penyembuhan terhadap sesuatu penyakit. Tegas beliau lagi, terapi *ruqyah* tidak hanya untuk tujuan rawatan terhadap gangguan jin malahan kaedah ini juga meliputi rawatan dan terapi penyakit jasmani termasuk gangguan jiwa dan mental. Menurutnya lagi terapi ruqyah juga berfungsi sebagai salah satu

<sup>39</sup> Maksudnya: Pencegahan terhadap sesuatu yang merosakkan atau berpantang. Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1992), *Ibid.*, jil. 4, hlm. 7.

<sup>40</sup> Masyarakat secara amnya memahami bahawa terapi ruqyah khusus terhadap gangguan jin, kesurupan atau keadaan yang berkaitan dengan gangguan kuasa ghaib. Gambaran terhadap kefahaman ini berlaku kerana kebanyakan mereka yang pernah terlibat dengan pengubatan, penulisan atau bicara ilmu lebih memberi penjelasan tentang ruqyah yang hanya terbatas untuk mengusir gangguan jin atau makhluk ghaib. Penekanan terhadap ruang kemampuan terapi ruqyah bagi merawat penyakit-penyakit fizikal dan mental kurang diberi penekanan. Jelasnya, perbincangan terhadap penggunaan terapi ruqyah untuk tujuan penyembuhan yang lebih luas dan ilmiah amat kurang dibincangkan.

metode penyembuhan yang digunakan oleh Rasulullah SAW di samping penggunaan metode-metode yang lain seperti makanan, minuman, ubat-ubatan alami, berbekam, pemanasan, harum-haruman dan sebagainya.<sup>41</sup>

Makna *ruqyah* secara terminologi adalah *al-‘Auzah* bermaksud perlindungan yang digunakan untuk melindungi orang yang terkena penyakit, seperti panas kerana disengat binatang, terkena fitnah ‘ain, kesurupan dan sebagainya.<sup>42</sup> *Ruqyah* juga kadangkala diertikan sebagai jampi atau azimat. Sehubungan dengan pengertian ini al-Fairuz Abadi berkata: “Yang dimaksud azimat-azimat adalah *ruqyah-ruqyah*. *Ruqyah* juga ayat-ayat al-Quran yang dibacakan terhadap orang-orang yang terkena berbagai penyakit dengan mengharap kesembuhan.”<sup>43</sup>

Adapun makna *ruqyah* secara etimologi syariat, ia bermaksud ayat-ayat al-Quran, doa dan bacaan-bacaan yang mengandungi permohonan bantuan dan perlindungan kepada Allah SWT agar terpelihara atau terangkat bala atau penyakit. Metode tersebut kadangkala diiringi dengan tiupan dari mulut kepada kedua telapak tangan atau anggota tubuh orang yang meruqyah atau yang diruqyah. Jelasnya, keutamaan *ruqyah* adalah doa dan bacaan yang bersumber dari al-Quran dan al-Sunnah.<sup>44</sup>

Merujuk kepada metode terapi *ruqyah* ini ia dapat diklasifikasikan kepada dua bahagian; Pertama *Ruqyah Syar‘iyyah* dan yang kedua *Ruqyah Syirkiyyah*. Bagi memastikan metode *Ruqyah* bertepatan dengan kehendak syarak maka garis panduan yang disarankan hendaklah dilaksanakan dengan betul. Antaranya ialah:

- i. *Ruqyah* menggunakan ayat-ayat al-Quran atau doa-doa dalam al-sunnah dan dibaca dengan betul dan tepat tanpa mengubah susunan kalimahanya.
- ii. Menggunakan bahasa Arab yang fasih, dibaca dengan jelas sehingga tidak berubah makna asalnya.
- iii. Meyakini bahwa bacaan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa

<sup>41</sup> Ibnu Qayyim al-Jawziyyah (1992), *op.cit.*, jil. 4, h. 174-175.

<sup>42</sup> *Ibid.*, 162-180.

<sup>43</sup> Fairūz Abādī, *Qāmus al-Muhīt* pada perkataan (رُقْيَة). Ibn Manẓūr (t.t), *Lisān al-‘Arab*, jil. 4, al-Qāhirah: Dār al-Ma‘ārif, h. 2932.

<sup>44</sup> Ibn. Qayyim al-Jawziyyah (1992), *op.cit.*, jil. 4, h. 162-180. Lihat hadis yang diriwayatkan oleh Abū Dawūd, *Sunan Abī Dawūd*, “Bāb al-Ṭibb: Bāb Mā Ja’ a fī al-Ruqā,” hadis no. 3888.

yang warid tersebut hanya sebagai sarana atau wasilah untuk penyembuhan walhal hakikat penyembuh itu adalah milik mutlak Allah SWT.

Sebaliknya *Ruqyah* yang menyalahi syarak bahkan boleh mengakibatkan penyekutuan terhadap Allah SWT.

- i. Memohon bantuan kepada selain daripada Allah SWT.
- ii. Memohon kepada Allah SWT. di samping itu memohon juga kepada yang lain.
- iii. Bacaannya pun tidak terdapat dalam al-Quran dan tidak berpandu kepada sunnah Rasulullah SAW. dan para sahabatnya walaupun kadangkala bacaan atau kaedahnya dikombinasikan dengan *ruqyah syar'iyah*.<sup>45</sup>

Jika diteliti dan dikaji hakikat terapi *ruqyah* berdasarkan perubatan nabi, ternyata ia mempunyai konsep kesepaduan dengan amalan kedokteran bersifat *holistik* yang menjadi rujukan masyarakat dalam menyelesaikan masalah penyakit.

## TERAPI RUQYAH PENYAKIT JASMANI

Apabila ditelusuri beberapa peristiwa yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW membuktikan bahawa melalui metode terapi *ruqyah* dapat menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan penyakit jasmani antaranya ruqyah untuk menyembuhkan sengatan kala jengking. Daripada 'Alī beliau menceritakan seperti berikut: <sup>46</sup>

بَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ لَيْلَةٍ يُصَلِّي فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَى  
الْأَرْضِ فَلَدَغَتْهُ عَقْرَبٌ ، فَتَنَاوَلَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِنَعْلِهِ  
فَقَتَلَهَا ، فَلَمَّا انْصَرَفَ قَالَ : “ لَعَنَ اللَّهُ الْعَقْرَبَ ، لَا تَدْعُ مُصَلِّيًا وَلَا  
غَيْرَهُ ، أَوْ نَبِيًّا وَلَا غَيْرَهُ ، إِلَّا لَدَغَتْهُمْ ” ، ثُمَّ دَعَا بِمِلْحٍ وَمَاءٍ فَجَعَلَهُ  
فِي إِنَاءٍ ، ثُمَّ جَعَلَ يُصِيبُهُ عَلَى إِصْبَعِهِ حَيْثُ لَدَغَتْهُ وَمَسَحَهَا وَيُعَوِّذُهَا  
بِالْمَعُودَتَيْنِ .

<sup>45</sup> Bishri, Hasan (2005), *Penjelasan Lengkap Tentang Ruqyah Terapi Gangguan Sihir dan Jin Sesuai Syariat Islam*. Jakarta: Ghaib Pustaka, h. 21-22. Misalnya al-Qur'an dibaca terbalik dari huruf yang terakhir atau membaca mantera-mantera dengan mengagungkan syaitan atau jampi-jampi buatan seseorang dengan bahasa tertentu.

<sup>46</sup> Ibn Abī Syaibah dalam *Musannif*, jil. 5, hadis no. 22. h. 440.

*Pada suatu malam ketika Rasulullah SAW sedang solat, baginda meletakkan tangannya di atas tanah (untuk sujud), lalu disengat oleh seekor kala jengking. Nabi lalu menguisnya dengan sepatunya dan membunuhnya. Apabila selesai nabi bersabda: Semoga Allah melaknat kala jengking. Ia tidak membiarkan orang yang sembahyang dan tidak juga yang lainnya atau seorang nabi dan tidak pula yang lainnya. Kemudian Rasulullah menyuruh diambilkan air dan garam, lalu bahagian yang disengat kala jengking tersebut direndam dengan air garam itu sambil membaca muawwizatain.*

Hadis yang diriwayatkan daripada ‘Uthman bin Abī al-‘As menceritakan bahawa beliau pernah datang menemui Rasulullah SAW mengadu sakit yang dideritanya di bahagian tubuh semenjak beliau memeluk Islam. Maka Nabi SAW. bersabda: <sup>47</sup>

صَعَّ يَدَكَ عَلَى الَّذِي تَأَلَّمُ مِنْ جَسَدِكَ وَقُلِّ بِاسْمِ اللَّهِ ثَلَاثًا وَقُلِّ سَبْعَ  
مَرَّاتٍ أَعُوذُ بِاللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأَحَازِرُ.

*“Letakkanlah tanganmu di atas bahagian tubuhmu yang sakit, lalu ucapkan bismillah tiga kali dan ucapkanlah doa berikut sebanyak tujuh kali”:* “Aku berlingkup dengan kemuliaan dan kekuasaan Allah dari keburukan apa yang aku dapati dan aku khawatirkan akan terjadi.”

Menurut Ibn Qayyim terapi *ruqyah* sebegini mengandungi beberapa kekuatan antaranya menyebut nama Allah SWT, menyerahkan urusan kepada-Nya, memohon perlindungan dengan kemuliaan dan kekuasaan-Nya dari bahaya dan rasa sakit.<sup>48</sup> Keseluruhan metode terapi ini dapat

<sup>47</sup> Imām Muslim (t.t), *Ṣaḥīḥ Muslim*, “Bāb Istihbāb Waq‘i Yadihī ‘Alā Mawqi‘i al-Ālam Ma‘a al-du‘ā”, juz. 11, hadis no.4082. Dār al-Fikr, Beirut, h. 207.

<sup>48</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam kitabnya *Zādd al-Ma‘ād fi Hadyī Khayr al-‘Ibād*, jil. 4, h. 176-177 menyebut; “Al-Quran adalah penyembuh yang sempurna meliputi seluruh penyakit hati dan jasmani, demikian juga penyakit dunia dan akhirat. Dan tidaklah setiap orang diberi keahlian dan taufiq untuk menjadikannya sebagai ubat. Jika seorang yang sakit konsisten berubat dengannya dan meletakkan pada sakitnya dengan penuh kejujuran dan keimanan, penerimaan yang sempurna, keyakinan yang kukuh dan menyempurnakan syaratnya, nescaya penyakit apapun tidak akan mampu menghadapinya selama-lamanya. Bagaimana mungkin penyakit tersebut mampu menghadapi firman Zat yang memiliki



menghilangkan rasa sakit dan diulangi agar lebih berkesan sesuai dengan metode perubatan moden yang menentukan perlu memakan ubat beberapa kali bagi setiap kes tertentu mengikut jadual yang ditetapkan oleh doktor. Bilangan tujuh kali itu mengandungi keistimewaan.<sup>49</sup>

Diriwayatkan dari bahawa Nabi SAW apabila menziarahi keluarganya yang sedang sakit, beliau mengusap tubuhnya dengan tangan kanan sambil berdoa:<sup>50</sup>

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ، أَذْهَبِ الْبَأْسَ: وَأَشْفِ أَنْتَ الشَّافِي، لَا شِفَاءَ إِلَّا  
شِفَاؤُكَ، شِفَاءً لَا يُغَادِرُ سَقَمًا.

*Ya Allah, Rabb dari sekalian manusia! Lenyapkanlah rasa sakitnya, berikanlah kepadanya kesembuhan karena Engkau adalah Yang Maha Menyembuhkan, tidak ada kesembuhan melainkan karena pertolongan-Mu; kesembuhan yang tidak diiringi dengan sakit lain.*

Ibn Qayyim berpandangan *ruqyah* ini terkandung di dalamnya unsur tawassul kepada Allah melalui kesempurnaan rububiyah dan rahmat-Nya yang memberi kesembuhan. Jelas hanya Allah SWT sahaja yang dapat memberikan kesembuhan. Sesungguhnya kesembuhan itu berasal daripada-Nya. Oleh yang demikian, *ruqyah* ini jelas mengandungi tawassul kepada Allah SWT melalui tauhid, ihsan dan keyakinan terhadap rububiyah Allah SWT.<sup>51</sup>

Terapi *ruqyah* dengan membaca ayat-ayat atau doa dari al-Quran dan al-Sunnah telah banyak diamalkan dalam usaha penyembuhan penyakit fizikal dengan menggunakan kaedah ini. Secara perubatan terapi

---

langit dan bumi. Jika diturunkan kepada gunung, maka ia akan menghancurkannya atau diturunkan kepada bumi, maka ia akan membelahnya. Maka tidak satu pun jenis penyakit, baik penyakit hati mahupun jasmani, melainkan dalam al-Quran ada cara yang membimbing kepada ubat dan sebabnya (kesembuhan).”

<sup>49</sup> Abu Umar Basyir al-Maidani (2005), *Metode Pengobatan Nabi s.a.w.* Jakarta: Griya Ilmu, h. 225-226.

<sup>50</sup> Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “Bāb Ruqyah al-Nabī s.a.w, juz. 18, hadis no. 5302, h. 25 dan Imām Muslim, *Saḥīḥ Muslim*, “Bāb Istihbāb Ruqyah al-Mariq, juz. 11, hadis no. 4601, h. 181.

<sup>51</sup> Umar Basyir al-Maidani (2005), *op.cit.*, h. 225-226.

*ruqyah* dengan membacakan ayat-ayat atau doa-doa dari al-Quran dan al-Sunnah juga mempunyai pengaruh yang jelas dalam penyembuhan fizikal. Sebanding dengan terapi *ruqyah*, terapi doa telah diteliti keberkesannya dalam penyembuhan fizikal.

## TERAPI RUQYAH GANGGUAN KEJIWAAN

Kaedah terapi *ruqyah* untuk penyakit yang melibatkan gangguan jiwa telah disentuh dalam beberapa hadis. Antaranya *Sunan Abū Dawūd* dengan sanad yang sahih melalui Kharijah bin al-Shilt dari bapa saudaranya menceritakan:<sup>52</sup>

آتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَاسْلَمْتُ، ثُمَّ رَجَعْتُ فَمَرَرْتُ عَلَى قَوْمٍ عِنْدَهُمْ رَجُلٌ مَجْنُونٌ مُوثِقٌ بِالْحَدِيدِ، فَقَالَ أَهْلُهُ إِنَّا حَدَّثْنَا أَنَّ صَاحِبَكَ هَذَا قَدْ جَاءَ بِخَيْرٍ، فَهَلْ عِنْدَكَ شَيْءٌ تَدَاوِيهِ؟ فَرَفِئْتُهُ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ، فَبَرَأَ، فَأَعْطَوْنِي مِائَةَ شَاةٍ، فَاتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاخْبَرْتُهُ فَقَالَ هَلْ إِلَّا هَذَا وَفِي رِوَايَةٍ: هَلْ قُلْتَ غَيْرَ هَذَا؟ قُلْتَ، لَا، قَالَ: خُذْهَا فَلَعَمْرِي لِمَنْ أَكَلَ بِرُقِيَّةٍ بَاطِلٍ، لَقَدْ أَكَلَتْ بِرُقِيَّةٍ حَقٌّ.

*“Aku datang kepada Nabi SAW dan masuk Islam, kemudian aku pulang. Aku bertemu dengan suatu kaum, di antara mereka terdapat seorang lelaki gila dalam keadaan diikat dengan belunggu besi. Lalu keluarganya berkata, “Sesungguhnya kami mendapat berita bahwa temanmu itu (Nabi SAW) telah datang dengan membawa kebaikan, apakah engkau punya sesuatu untuk mengubatinya?” Aku meruqyahnya dengan bacaan Fatihat al-Kitab, ternyata ia sembuh, lalu mereka (keluarga si sakit) memberikan seratus ekor kambing. Aku datang kepada Nabi SAW dan menceritakan hal itu kepadanya, lalu beliau bersabda, “Apakah hanya ini (yang engkau ucapkan)?” Menurut riwayat yang lain disebutkan, “Apakah engkau mengucapkan selain itu?” Aku menjawab, “Tidak.” Beliau SAW. bersabda, “Ambillah ternakan itu. Demi umurku, sesungguhnya orang yang memakan dari hasil ruqyah*

<sup>52</sup> Abū Dawūd (t.t), *Sunan*, “Kitāb al-Ṭibb, Bāb Kayfa al-Ruqā, juz. 4, hadis no. 3398. Bayrūt: Dār al-Fikr., h 12.

*batil tidak boleh tetapi engkau memakan dari ruqyah yang benar.”*

Selanjutnya disebutkan juga dalam hadis riwayat Abū Dawūd bahawa dia mengetengahkannya melalui Kharijah, dari bapa saudaranya yang menceritakan:<sup>53</sup>

أَقْبَلْنَا مِنْ عِنْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاتَيْنَا عَلَى حَيٍّ مِنَ الْعَرَبِ فَقَالُوا: عِنْدَكُمْ دَوَاءٌ، فَإِنَّ عِنْدَنَا مَعْتُوهاً فِي الْقَيْوُدِ فَجَاؤُوا بِالْمَعْتُوهِ فِي الْقَيْوُدِ فَقَرَأْتُ عَلَيْهِ فَاتَحَةَ الْكِتَابِ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ غُدُوَةً وَعَشِيَّةً، أَجْمَعُ بِرَاقِي ثُمَّ أَتَفَلُّ فَكَأَنَّما نَشَطَ مِنْ عَقَالٍ فَأَعْطَوْنِي جُعَلًا فَقُلْتُ لَأَقْضُوا سَلَّ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلْتُهُ فَقَالَ: قُلْ فَلَعَمْرِي مَنْ أَكَلَ بِرِيقَةٍ بَاطِلٍ لَقَدْ أَكَلَتْ بِرِيقَةٍ حَقًّا.

*Kami kembali (pulang) dari sisi Nabi SAW, lalu kami sampai pada satu kabilah orang Badui. Mereka berkata, “Apakah kalian memiliki obat penawar, karena sesungguhnya di kalangan kami ada seorang yang gila dibelenggu dengan rantai.” Lalu mereka mendatangkan orang gila tersebut dalam keadaan terbelenggu. Maka aku membacakan kepadanya Fatihatul Kitab selama tiga hari setiap pagi dan petang. Aku menghimpun ludahku, lalu kuludahkan kepadanya sehingga si gila tersebut seakan-akan baru lepas dari ikatannya (sembuh), lalu mereka memberiku upah. Tetapi aku berkata, “Jangan.” Mereka berkata, “Tanyakanlah dahulu kepada Nabi SAW” Aku bertanya kepada Nabi SAW dan beliau bersabda, “Makanlah demi umurku, barang siapa yang memakan (dari hasil) ruqyah yang batil (hukumnya haram), sesungguhnya engkau makan dari ruqyah yang benar.”*

Menerusi penelitian kaedah perubatan metode ruqyah dengan pendekatan membacakan ayat-ayat atau doa-doa yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah dapat dibuktikan keberkesannya dalam terapi gangguan jiwa.

<sup>53</sup> Abū Dawūd (t.t), *Sunan*, “Kitāb al-Ṭibb, Bāb Kayfa al-Ruqā, juz. 4, hadis no. 3402. Bayrūt: Dār al-Fikr., h 12.

## **TERAPI RUQYAH GANGGUAN MAKHLUK GHAIB**

Gejala gangguan jin merupakan fenomena penyakit khusus, walaupun keadaannya seolah-olah mempunyai gejala yang hampir sama dengan penyakit fizikal dan psikologi. Biasanya baru diketahui setelah pelbagai macam penguobatan fizikal dan psikologi gagal mengatasinya. Misalnya pesakit sudah diubati dengan pelbagai kaedah perubatan moden tetapi tidak ada kesan dan sakitnya tetap tidak berkurangan. Demikian juga pesakit telah diberi pelbagai ubat penenang tetapi masih tidak boleh tidur, terganggu dan gelisah. Bagi pengamal perubatan yang berpengalaman menangani masalah ini, mereka dapat merasakan kehadiran gangguan jin melalui tanda-tanda khusus yang dikenal pasti. Jelasnya, tanda-tanda tersebut kelihatan berdasarkan kepada reaksi pesakit setelah dibacakan ayat-ayat dan doa-doa dari al-Quran dan al-Sunnah. Umpamanya ada reaksi gementar, mimik muka yang takut atau marah, geliatan tubuh, jeritan, kesurupan dan sebagainya.

Berkaitan dengan fenomena di atas, maka terapi ruqyah terhadap gangguan jin perlu dilakukan dan memerlukan garis panduan terhadap proses terapi ruqyah terhadap gangguan jin sebagai berikut.<sup>54</sup>

### **Persediaan Sebelum, Semasa Dan Selepas Proses Penguobatan Keperluan bagi pengamal perubatan**

- i. Mempunyai akidah yang bersih dan murni dan direalisasikan dalam ucapan dan perbuatan.
- ii. Ia yakin bahwa firman Allah mempunyai pengaruh yang dahsyat untuk mengusir jin dan syaitan dengan izin Allah SWT
- iii. Mengetahui selok belok tentang jin.
- iv. Mengetahui pintu-pintu atau peluang-peluang masuknya jin.
- v. Mengetahui perbuatan-perbuatan haram yang menyebabkan masuknya syaitan.
- vi. Biasa berzikir kepada Allah SWT.
- vii. Berniat ikhlas ketika mengubati pesakit.
- viii. Sebelum mengubati hendaknya dia dan pesakit berwuduk terlebih dahulu.
- ix. Memohon bantuan kepada Allah SWT dalam mengusir jin.
- x. Menjauhkan tempat penguobatan dari lagu-lagu, muzik, gambar-

<sup>54</sup> Abu Mu'az Muhammad bin Ibrahim (2001), *Panduan Menjampi dan Mengguna Jin Menurut al-Qur'an dan al-Hadith*. Abdullah al-Qari bin Hj. Salleh (terj.). Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, h. 101-106.

gambar yang menjurus pada maksiat, situasi yang menjurus maksiat, anjing di rumah dan sebagainya.

### **Keperluan pesakit**

- i. Pesakit dan keluarga diberi pengetahuan dan nasihat-nasihat tentang akidah Islam yang benar dan murni sehingga hatinya terlepas dari bergantung kepada selain Allah SWT.
- ii. Dijelaskan kepada pesakit perbezaan pengubatan ruqyah dengan pengubatan ahli sihir dan dukun, serta dijelaskan pada pesakit bahawa al-Quran mengandungi ubat dan rahmat bagi orang yang beriman.
- iii. Jika pesakit memakai azimat hendaknya dibuang dan dibakar.
- iv. Jika pesakit tersebut seorang wanita, hendaknya tertutup auratnya, disertai seorang mahram dan orang lain selain mahramnya dilarang masuk ke tempat pengubatan.

Manakala semasa proses pengubatan, pengamal perubatan perlu membaca surah atau ayat-ayat yang dapat mengusir jin, misalnya: *Al-Fātiḥah*, *al-Ikhlās*, *al-Falaq*, *al-Nās*, *ayāt al-Kursi*, tiga ayat terakhir dari *Surah al-Baqarah* dan sebagainya.

Selepas proses pengubatan pula;

- i. Pesakit hendaknya menjaga solat berjemaah.
- ii. Pesakit sentiasa berzikir kepada Allah SWT.
- iii. Selepas beberapa hari atau minggu pengubatan selesai, pesakit hendaklah datang lagi pada pengamal perubatan untuk dibacakan ayat-ayat al-Quran kembali.
- iv. Pesakit hendaknya selalu membaca *basmalah* setiap saat dan kesempatan.
- v. Pesakit hendaklah aktif mendengar bacaan al-Quran atau membacanya sendiri.

Berdasarkan huraian di atas, jelas bahawa terapi *ruqyah* tidak hanya digunakan untuk terapi gangguan jin sebagaimana difahami sebahagian orang, tetapi dapat juga digunakan untuk penyembuhan sakit fizikal mahupun psikologi. Secara medikal, terapi *ruqyah* dapat diterima keberkesannya dalam penyembuhan fizikal mahupun psikologi.

## **KESIMPULAN**

Dalam pemikiran perubatan al-Imām Ibn Qayyim jelas memperlihatkan pendekatan terapi *ruqyahnya* yang berlandaskan kepada nas-nas al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini tercermin dalam dua penulisan yang penting dalam bidang tersebut iaitu *Ṭibb al-Nabawiyy* dalam *Zādd al-Ma'ād fī Hadyi Khayr al-'Ibād*. Kaedah yang dinyatakan itu merupakan salah satu terapi yang pernah digunakan Rasulullah SAW. dari beberapa terapi lain dalam mengubati penyakit. Terapi *ruqyah* tidak hanya digunakan untuk mengusir jin, tetapi juga untuk terapi penyakit fizikal dan psikologi. Menerusi kaedah perubatan terapi *ruqyah* sudah diakui keberkesanannya untuk mengubati penyakit fizikal maupun psikologi. Namun, terapi *ruqyah* yang digunakan untuk merawat daripada gangguan jin keberkesanannya pula bergantung pada keadaan pengamal perubatan (perawat), pesakit dan pendekatan yang dilaksanakan dalam proses terapi.

## **BIBLIOGRAFI**

- 'Abd al-Rahmān bin Nāshir bin al-Sa'adī (2000), *Tafsīr Karīm al-Rahmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*, Ed. 1. Beirut: al-Muassasah al-Risālah.
- Abū Dawūd, Sulaiman bin al-Ash'ath al-Sijistānī al-Azdi (t.t). *Sunan Abī Dawūd*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Abū Mu'az Muhammad bin Ibrāhim (2001), *Panduan Menjampi dan Mengguna Jin Menurut al-Quran dan al-Hadith*. Terj. Abdullah al-Qāri bin Hj. Salleh. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Abū Umar Basyīr al-Maidānī (2005), *Metode Pengubatan Nabi SAW*. Jakarta: Griya Ilmu.
- Aḥmad bin Ḥanbal, (t.t) *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Dār al-Ṣādir.
- Al-Bukhārī, Abū 'Abdillah Muhammad bin Ismā'il, (t.t) Ṣāḥīḥ al-Bukhārī. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Aṣqalānī, Ibn Ḥajar Ahmad bin 'Alī bin Muhammad, (t.t) *Al-Durar al-Kāminah fī A'yan al-Mi'ah al-Thāminah*, Hydarabad: Maktab al-Hind.

- Al-Nadwi, Abū Hassan ‘Ali al-Hasani, (1985), *Rijāl al-Fikr wa al-Da‘wah fī al-Islām bi Hayāt Syaikh al-Islām al-Ḥāfiẓ Ahmad Ibn Taymiyyah*. Kuwait: Dār al-Qalām.
- Al-Qunūjī, Sayyid Abī al-Ṭayyib Sādiq bin Hasan bin Abū Luṭfi Allah, (1963). *al-Taj al-Mukallaḥ*. Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Hidāyah al-‘Arabiyyah.
- Al-Qurṭubī, Muhammad bin Ahmad (1945), *al-Jāmi‘ lī Ahkām al-Qurān*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Al-Razāk Asyraf Kailānī (1922). *Al-Ḥaqā’iq al-Ṭibbiyyah fī al-Islām*. ‘Amman: Maktabah al-Risālah al-Ḥādithah.
- Al-Syawkāni, Muhammad bin ‘Alī (1351H), *Faṭḥ al-Qadīr*. Mesir: Muṣṭafā Bābi al-Ḥalabī.
- Al-Zirikli (1389 H), *al-A‘lām*. Beirūt: ttp.
- Bakr bin ‘Abd Allah Abū Zayd (1980), *Ibn Qayyim al-Jawziyyah Hayātuhu wa Atharuhu*. al-Riyād: Dār al-Hilāl.
- Bishri, Hasan (2005), *53 Penjelasan Lengkap tentang Ruqyah Terapi Gangguan Sihir dan Jin Sesuai Syariat Islam*. Jakarta: Ghaib Pustaka.
- Ibn Ḥajar al-Aṣqalānī. Ahmad bin ‘Alī bin Muhammad (t.t), *al-Durar al-Kāminah fī A‘yan al-Mi‘ah al-Thāminah*. Hyderabad: Maktab al-Hind.
- Ibn ‘Imad, Abū al-Falah ‘Abd al-Hayy (t.t), *Syadharat al-Dhahab fī akhbār man Dhahab*. Kaherah: Maktab al-Tijāri.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘īl (1994), Taḥqīq Ahmad ‘Abd al-Wahab Fatih. *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth
- Ibn Kathir, Ismail bin Umar (t.t). *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Qāherah: Dar Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Ibn Mājah. Abū ‘Abdillah Muhammad bin Yazīd al-Qazwīnī (t.t), *Sunan*

*Ibn Mājah*. Taḥqīq Muhammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī. Qāherah: Dār al-Ḥadīs.

Ibn Mansūr, Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukarramal-Anṣarī (t.t), *Lisān al-'Arab*. Qāherah: Dār al-Ma'ārif.

---

(t.t), *Al-Wābil al-Sayyib min Kalim al-Ṭayyib*, taḥqīq Abd al-Qadīr al-Arna'ūt, Saudi Arabia: al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta' wa al-Da'wah wa al-Irsyād.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1992), *Zād al-Ma'ād fi Hadyi Khair al-'Ibād*, Taḥqīq, Takhrīj dan Ta'līq Shuaib dan 'Abd al-Qadīr al-Arna'ūt. Beirut: Muassasah al-Risālah.

Imam Muslim, Abū al-Ḥajjaj al-Qusayirī al-Naisābūrī (t.t), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Beirut: Dār al-Fikr.

Muhammad Muslim al-Ghunaimi (1977), *Hayāt al-Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah*. Dimasyq: al-Maktabah al-Islamiyyah.

Rozali Muhammad Isa (2002), *Al-Tibb al-Nabawiy Panduan Rawatan Perubatan Berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah li Ibn Qayyim al-Jawziyyah*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.

'Umar Riḍā Kakhālāh (1957), *Mu'jam al-Mu'allifīn*. Damsyiq: al-Maktabah al-'Arabiyyah.